

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1976**

#### **KADAR HARGA TANAH (PREMIUM) DI ATAS TANAH KERAJAAN YANG DIBERI MILIK BAGI MAKSUD KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Dasar mengenakan harga tanah (premium) bagi tanah-tanah Kerajaan (State Land) yang diberi milik kepada Kerajaan Persekutuan yang diamalkan pada masa yang lepas ialah mengikut harga pasaran bagaimana yang ditetapkan dalam Pengedaran Pesuruhjaya Tanah dan Galian (Kelantan) Bil.7/1960. Sungguhpun begitu tiap-tiap satu kes itu akan ditimbangkan oleh M.M.K. tetapi walau bagaimanapun tanah-tanah Kerajaan di Luar Bandar yang luasnya kurang daripada yang dikehendaki bagi kegunaan Kerajaan Persekutuan, maka bolehlah dicadangkan kadar harga tanah tetap sebanyak \$10.00 bagi satu lot. (Lihat Pengedaran P.T.G. (KN) Bil: 6/1963).

2. M.M.K. telah mengkaji semula dasar yang di atas dan selepas menimbang Kertas M.M.K Bil.3/62/76 (5) pada 12.2.1976, Kerajaan telah bersetuju membuat ketetapan supaya tanah-tanah yang diberi milik kepada Kerajaan Persekutuan, sama ada di dalam atau luar Bandar, bagi semua jenis kegunaannya hendaklah dikenakan harga tanah separuh daripada harga pasaran.

3. Dengan perantaraan Pekeling ini, Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah mengambil ingatan dan membuat syor-syor yang selaras dengan kehendak dasar yang dinyatakan di perenggan 2 di atas apakala menyediakan Rang Kertas M.M.K. bersabit dengan pemberian milik tanah kepada Kerajaan Persekutuan. Tentang kadar hasilnya tidak berubah, iaitu bagaimana dalam Arahan P.T.G Bil.3/69 (Kn. P.U 11/1970).

4. Pengedaran P.T.G. (KN) Bil.7/1960 yang telah dikeluarkan pada 12.11.1960 bagaimana salinannya yang berkembar hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling ini dan Pekeliling P.T.G (Kn) Bil.6/1963 yang dikeluarkan pada 21.5.1963 mengenai kadar harga tanah tetap sebanyak \$10.00 bagi satu lot adalah dibatalkan.

t.t  
**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU**

PTG. KN. 88/60/(10)

**BERTARIKH:** 11HB. APRIL, 1976

**KEPADА:**

Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan  
Penolong-penolong Pemungut-pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Kuala Lumpur.

Semua Pegawai-pegawai Jajahan, Kelantan.

Juru Audit Negeri Kelantan.

Pegawai Tadbir, L.K.T.N Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.